

Bil. S 32

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah bab 83(3))

PERINTAH MATAWANG (PINDAAN), 2002

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh cerai (3) bab 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran dan permulaan kuatkuasa.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Matawang (Pindaan), 2002 dan hendaklah dianggap telah mula berjalan kuatkuasanya pada 21 haribulan Oktober, 2001.

Pindaan bab 5 dari Penggal 32.

2. Akta Matawang adalah dipinda dalam bab 5 dengan memotong cerai (2) dan menggantikannya dengan yang berikut —

"(2) Korum Lembaga hendaklah terdiri daripada 3 orang ahli".

Diperbuat pada hari ini 25 haribulan Safar, Tahun Hijrah 1423 bersamaan dengan 8 haribulan Mei, 2002 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**